

Jakim perlu diberikan lebih kuasa

Terutama membabitkan soal kemasukan daging halal ke negara ini

SHAH ALAM

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) perlu diberi lebih kuasa terutama membabitkan soal kemasukan daging halal ke negara ini.

Ini berikutan Jakim tidak mengeluarkan sebarang kenyataan berkaitan isu penyeludupan daging yang hangat dipertanyakan disebabkan ia dikatakan di luar kuasa jabatan tersebut.

Pakar Perlembagaan, Profesor Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood berkata, sekiranya hanya Jakim bertanggungjawab dalam semua isu halal, ia lebih mudah dan fokus pada satu jabatan sahaja.

"Berdasarkan penerangan dan penjelasan Jakim berkaitan carta aliran berkaitan daging import ini sehingga ia berjaya masuk ke negara ini, maknanya memang ada kelemahan.

"Prosedur dan prosesnya banyak lompong dan mudah disalahgunakan.



NIK AHMAD KAMAL

NORAZMIR

"Selain itu, tiada mekanisme semak dan imbang untuk jejak salah guna kuasa. Jika semak dan imbang tiada, bagaimana mahu jejak salah guna kuasa dan rasuah.

"Isu bersekongkol juga menjadi punca kegagalan untuk menjejaki kes rasuah. Jadi, kena rombak semua prosedur dan proses," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Isnin.

Beliau berkata, sekiranya semua agensi terlibat dalam proses mengimport daging beku halal perlu dikekalkan, maka perlu ada semak dan imbang.

"Maka Jakim boleh menjadi agensi semak imbang tersebut. Namun Jakim juga perlu sentiasa menilai semula proses mereka supaya tidak ada ruang salah guna kuasa.

"Pemantauan penting kepa-

da semua proses dan penjawat awam dalam agensi-agensi berkaitan. Kita tahu sekukuh mana pun proses dan prosedur, jika tiada semak dan imbang serta integriti diri, maka rasuah akan berlaku," katanya.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Pengamal Undang-Undang dan Hak Asasi Manusia Malaysia, Noorazmir Zakaria berkata, Jakim sebenarnya punyai had kuasa yang amat terhad.

"Isu ini boleh ditangani dengan memperkenalkan Akta Halal.

"Sebenarnya sudah lama kita desak kerajaan supaya mempercepat pembentangan Akta Halal. Khabarnya draf Rang Undang-Undang (RUU) Akta Halal ini sudah ada, tetapi kerajaan tidak berikan keutamaan.

"Melalui Akta Halal, pegawai Jakim yang berkaitan boleh diluaskan kuasanya dan peruntukan kewangan juga dapat diberikan untuk menambah pegawai khusus pegawai penguat kuasa bagi memantau dengan lebih meluas produk daging yang diimport dari ne-



FOTO: BERNAMA

Daging kambing sejuk beku import dari New Zealand yang mempunyai logo halal dan kod bar ketika lawatan kerja Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri di sebuah gudang pembekal dan pengeluar makanan sejuk beku di Segambut, Kuala Lumpur pada Isnin.

gara luar," katanya.

Beliau berkata, memandangkan hal ehwal agama Islam tertakluk kepada negeri, maka kerajaan perlu turun dan memujuk negeri-negeri untuk bersama-sama merealisasikan Akta Halal.

Dalam pada itu, peguam M Hafiz Zainol Abidin berkata, berhubung isu kartel daging seperti yang didedahkan sebelum ini, Jakim tidak boleh di-

peesalahkan kerana bidang kuasa mereka terhad.

"Kemungkinan penyelewengan ini berlaku di peringkat di mana daging dari luar negara diterima masuk ke Malaysia.

"Apabila sampai ke Malaysia, agensi yang bertanggungjawab melaporkan kepada Jakim tak boleh lakukan apa-apa kerana dokumen dan perakuan yang ditunjukkan kepada mereka adalah asli," katanya.

Semua pihak autoriti digesa bekerjasama

SHAH ALAM - Persekutuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menggesa semua pihak berautoriti menjalankan kerjasama bagi memastikan isu daging diragui status halal dapat dibendung serta ditangani segera.

Pengerusinya, Datuk Nadzim Johan berkata, ia juga bagi meningkatkan lagi keberkesanan dalam menyelesaikan isu berkenaan.

"Kerjasama semua agensi sangat penting kerana kita tidak mahu timbul keadaan di mana ada pihak menuding jari antara satu sama lain dan lepas tangan dalam perkara ini.

"Kita mahu semua pihak melaksanakan kerja-kerja melindungi rakyat, justeru kerjasama erat antara semua agensi perlu supaya tidak terganggu gugat dengan bidang tugas atau spesifikasi kerja masing-masing," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Isnin.



NADZIM

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Dr Sirajuddin Suhaimie bahawa pihaknya tidak mengeluarkan sebarang kenyataan berkaitan isu penipuan penyeludupan daging kerana ia berada di luar bidang kuasa jabatan tersebut.

Mengulas lanjut, Nadzim berkata, semua agensi terlibat mungkin terikat dengan garis panduan tugas masing-masing.

"Sebab itu kita mahu agensi-agensi ini berkolaborasi antara satu sama lain untuk mewujudkan satu cara kerja yang senada dan harmoni supaya banyak kemungkinan seperti salah laku yang dibuat boleh ditangani segera.

"Masalah ini (kartel daging



Laporan Sinar Harian pada 2 Disember lepas.

haram) sudah lama berlarutan. "Ia melibatkan keselamatan pengguna. Jika cara kerja masih di takuk lama dan tidak diubah, masalah tersebut tidak akan selesai.

"Mungkin sebelum ini ada antara jabatan atau agensi terlibat bermasalah, jadi bila semua bekerjasama, impak serta keberkesannya jauh luar biasa.

"Tidak timbul soal kelompangan dalam apa juga keadaan," katanya.

Econsave tiada kaitan dengan syarikat daging import yang disiasat

JOHOR BAHRU - Pasaraya Econsave menafikan sebarang kaitan dengan pembekal daging import yang sedang disiasat pihak berkuasa ketika ini.

Pengurusnya, Mas Imran Adam berkata, pihaknya tidak pernah membuat urusan secara langsung atau tidak langsung dengan syarikat pembekal tersebut.

"Pihak Econsave ingin menegaskan bahawa semua pembekal daging import kami mempunyai sijil halal yang disahkan.

"Kami juga ingin menegaskan bahawa pihak kami tidak pernah berurusan dengan pembekal yang sedang disiasat oleh pihak berkuasa," katanya di sini pada Isnin.

Pembekal daging import bagi Pasaraya Econsave ialah Pts Food Distribution Sdn Bhd, Ipoh Food Service Sdn Bhd, Fatric Sdn Bhd dan Lucky Frozen Sdn Bhd.

Imran berkata, Pasaraya Econsave yang mempunyai 20 cawangan di Johor turut terkena tempas berikutan pendedahan isu kartel daging sejak kebelakangan ini.

"Ramai pelanggan bertanya mengenai status halal daging import yang dijual. Pihak kami akan maklumkan kepada pelanggan bahawa daging import yang diambil adalah daripada sumber yang sah di mana pengimport ada sijil halal.

"Pihak kami juga ada pameran sijil halal yang diperolehi pembekal pada ruangan yang mudah dilihat agar pelanggan tidak ragu-ragu," katanya.

Ditanya mengenai jualan daging import selepas pendedahan isu kartel daging tersebut, Mas Imran mengakui jaluannya merosot sekitar 10 hingga 15 peratus di setiap cawangan pasar raya berkenaan di Johor.